



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 09/2023**

**BERTAWAKKAL KEPADA ALLAH SWT**

**10 Syaaban 1444 H**

*Bersamaan*

**03 Mac 2023**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَكَفَى ، وَسَلَامٌ عَلٰى عِبَادِهِ الَّذِيْنَ اصْطَفٰى .

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ  
اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ

اَمَّا بَعْدُ . فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ وَطَاعَتِهٖ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Kita bersyukur kepada Allah kerana kita dapat hidup dengan aman dan damai. Mudah-mudahan dengan nikmat tersebut kita dapat melaksanakan ibadat kepada Allah serta menjadi seorang mukmin yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah :

### **“ Bertawakkal Kepada Allah SWT ”**

#### **Para hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Tawakkal adalah manifestasi keyakinan di dalam hati yang memberi motivasi kepada manusia dengan kuat untuk bergantung harapan kepada Allah SWT. Tawakkal atau berserah diri kepada Allah SWT merupakan satu sifat yang sangat

mulia di sisi Allah sepertimana yang terakam di dalam Al-Quran. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Anfal ayat 2 :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ

إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah, gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jumlah mereka bertawakkal (berserah).”

Imam Ibnu Rajab (r.h) mengatakan: “Tawakkal ialah membulatkan hati dengan jujur kepada Allah SWT dalam upaya memperolehi segala kebaikan dan menolak segala kemudaratan, di dalam urusan dunia mahupun akhirat.”

Tawakkal adalah sebesar-besar ibadat yang mendekatkan diri kepada Allah. Ia menjadi kesempurnaan kepada iman dan Islam kerana peringkat tertinggi dalam melakukan amal soleh adalah tawakkal. Namun, masih ada yang beranggapan bahawa usaha seseorang manusia itu boleh menafikan atau melemahkan sifat tawakkal seorang hamba kepada Allah.

### **Sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Apabila hati orang mukmin berpegang kepada Allah dalam semua urusan hidup maka keikhlasan akan terbit, hubungan dengan Allah makin kukuh, keyakinan serta kepercayaan kepada-Nya turut bertambah.

Firman Allah dalam surah al-Talaq ayat 3 :

...وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ... ﴿٣﴾

**Yang bermaksud:** "Dan ingatlah sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka Allah akan mencukupkan baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)."

Imam al-Ghazali dalam 'Ihya Ulumuddin menjelaskan, tawakkal dalam Islam bukanlah suatu sikap melarikan diri bagi golongan yang tidak ingin berusaha atau gagal usahanya. Akan tetapi tawakkal ialah tempat kembalinya segala usaha.

Tawakkal bukan menanti nasib sambil berpangku tangan sambil berpeluk tubuh. Bahkan dia berusaha semampu mungkin lalu berserah diri kepada Allah yang akan menentukan natijahnya.

Rasulullah SAW menekankan kesempurnaan tawakkal yang tidak mungkin terpisah dari usaha. Sabda Baginda SAW

لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ تَغْدُو  
خِمَاصاً وَتَرُوحُ بِطَاناً

**Yang bermaksud:** Seandainya kamu bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, nescaya Allah akan memberi kamu rezeki sebagaimana Allah memberi rezeki kepada burung. Ia keluar di waktu pagi dalam keadaan perut kosong dan pulang di waktu petang dalam keadaan kenyang."

(HR at-Tirmizi)

Rasulullah SAW sendiri berusaha dengan gigih dalam dakwahnya. Baginda tidak menyerah terus tanpa berusaha serta merancang, kerana malas dan putus asa itu bukanlah cara untuk mencapai kejayaan.

**Para Jemaah yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam menjalani kehidupan ini, setiap manusia pasti menginginkan kejayaan. Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan kecenderungan untuk mencintai kemajuan dan menghindari kemunduran. Sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, kita tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab kita, baik terhadap Allah mahupun sesama makhluk-Nya, tatkala keperluan asas kita tidak dipenuhi.

Oleh itu, hendaklah kita mengambil langkah-langkah yang sesuai di dalam dunia yang tidak menentu dan kian mencabar ini agar kekal relevan dalam urusan harian kita. Demi mencapai kemajuan keluarga dan masyarakat, seseorang itu perlu lebih giat bekerja dan berusaha disamping berserah kepada Allah SWT bulat-bulat.

Semoga kita sentiasa tergolong dikalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa beriman kepada-Nya, beramal dengan perintahNya dan bertawakal kepada-Nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ

الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

**Yang bermaksud:** Katakanlah: Tidak sekali-kali akan menimpa Kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.

(Surah At- Taubah ayat 51)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ  
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ  
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ  
الْعَابِدِينَ.



Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.